



Dalam perkembangan berkaitan, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak mempunyai sebarang masalah atau krisis dengan institusi raja, khususnya Sultan Ibrahim.

"Tak ada (masalah)... bila saya jumpa (Sultan Johor), baginda pandu kereta dan hantar saya ke lapangan terbang," katanya.

Menjawab persoalan sama ada institusi raja mencampuri perjalanan urusan pentadbiran kerajaan, Dr. Mahathir menjelaskan, apa yang dilakukan kerajaan hari ini adalah mengikut Perlembagaan Persekutuan dan perundangan.

"Apabila kita lihat ada pelanggaran undang-undang, kita kena ambil tindakan membetulkan, tentu ada keputusan yang tidak dipersetujui, tetapi kita kena ikut (undang-undang), jika kita dapati tidak berlaku pelanggaran undang-undang maka kita gembira menerimanya," katanya.

Berhubung isu bantahan pelantikan Pengerusi Parti Prihumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Johor, Dr. Mahathir memberitahu,

tiada seorang pun pemimpin Bersatu Johor terlibat dalam bantahan berkenaan datang berjumpanya.

"Kali terakhir saya bertemu exco Johor, mereka tidak mengadu apa-apa pun," katanya.

JHO LOW

Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan tetap akan memburu ahli perniagaan, Low Taek Jho atau Jho Low meskipun berdepan kesukaran untuk mengesan lokasinya sehingga kini.

Katanya, terdapat banyak lagi wang 1Malaysia Development Bhd (IMDB) yang hilang yang perlu didapatkan semula.

Menurut beliau, malah terdapat bukti mendakwa Jho Low menggunakan wang berkenaan kepentingan peribadi.

"Wang IMDB yang kita dapat semula tidak banyak iaitu kurang daripada RM2 bilion. Dia (Jho Low) curi duit yang hilang dari IMDB sebanyak RM42 bilion. Siapa simpan duit itu? Ada di mana? Ada bukti mendakwa Jho Low menggunakan duit itu untuk diri sendiri

"Kita ada masalah untuk mengesan lokasi keberadaannya tapi kita tetap akan buru dia," katanya ketika ditanya sama ada Jho Low akan terus diburu walaupun kerajaan sudah mendapatkan semula sebahagian wang IMDB termasuk menerusi penjualan kapal mewah Equanimity.

Minggu lalu, media melaporkan pihak berkuasa Amerika Syarikat melakukan persediaan memulangkan AS\$200 juta (RM828 juta) yang didakwa disalah guna daripada dana IMDB, kata sumber.

Jumlah keseluruhan termasuk kira-kira AS\$140 juta (RM579 juta) daripada penjualan saham Hotel Park Lane di New York dan kira-kira AS\$60 juta (RM248 juta) lagi daripada penyelesaian yang dibayar oleh penerbit filem *Wolf of the Wall Street*, kata dua sumber yang enggan dinamakan.

MAS

Ketika diminta mengulas mengenai MAS, Dr. Mahathir memaklumkan bahawa kerajaan masih belum mempunyai sebarang keputusan mengenai nasib syarikat penerbangan negara itu.

Beliau berkata, MAS mengalami krisis yang teruk dalam aspek kedudukan kewangan dan pengurusan, sekali gus menyebabkan syarikat penerbangan nasional itu sangat sukar untuk dipulihkan.

"Setakat ini, tiada mana-mana pihak yang mampu memberi cadangan terbaik. Semua orang suruh buat itu dan ini, tetapi tiada siapa yang tampil dengan cadangan terbaik dan betul-betul berjaya.

"Sekurang-kurangnya perlu ada pihak tampil beri cadangan kepada kita. Sekarang, industri penerbangan mengalami persaingan sengit dengan kewujudan syarikat-syarikat penerbangan tambang murah," katanya.

Pada Mac lalu, Dr. Mahathir mengumumkan kerajaan tidak tolak kemungkinan untuk menerima cadangan supaya MAS ditutup bagi menangani masalah hutang yang ditanggung syarikat penerbangan negara itu.